

# Meritokrasi tak timbulkkan

## masalah: Dr M

BH - 26/5/2005: 6

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem meritokrasi tidak akan menimbulkan masalah jika pelajar Bumiputera berusaha lebih tekun dan mampu memperoleh 17 A1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bekas Perdana Menteri berkata, pelajar Bumiputera tidak harus dibuai impian bahawa kerajaan akan membantu mereka sepanjang masa sebaliknya perlu tekun berusaha kerana pelajar cerdas pun tidak akan berjaya tanpa kerja keras.

"Bagaimanapun, terpulang (kepada kerajaan) untuk memutuskan jika mahu kembali (menghapuskan meritokrasi)... mereka boleh. Saya tidak boleh berkata apa kerana saya tidak berkuasa sekarang.

"Saya berpendapat, adalah baik untuk menyedarkan pelajar (menerusi meritokrasi) kerana mereka semakin mengambil ringan," katanya selepas menyampaikan ceramah pada Siri Wacana Perdana Mengenai Penstrukturan Semula Sosial, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Siri kedua wacana itu, selepas yang pertama pada Ogos tahun lalu dianjurkan yayasan berkenaan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Hadir sama Pengarah Eksekutif yayasan, Tan Sri Nik Mohamed Yacob; Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah dan Duta Iraq ke Malaysia, Dr Kadoum Al Rawi.

Dr Mahathir diminta mengulas desakan Pemuda Umno supaya sistem meritokrasi yang dilaksanakan sejak tiga tahun lalu dikaji semula kerana merugikan pelajar Bumiputera dari segi peluang mengikuti program kritikal.

Berita Harian semalam memetik Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda, Ahmad Ikmal Ismail, berkata pihaknya mahu Kementerian Pengajian Tinggi mengambil lebih ramai pelajar Bumiputera

lulusan matrikulasi bagi kursus kritikal di universiti.

Terdahulu ketika soal jawab selepas menyampaikan ucapannya, Dr Mahathir berkata, walaupun pelaksanaan sistem meritokrasi tidak begitu memberangsangkan, pencapaian orang Melayu kini semakin baik.

Katanya, beliau gembira apabila seorang pelajar perempuan memperoleh 17 A1 dalam peperiksaan SPM dan yakin pencapaian seperti itu akan menjadi kelaziman di kalangan pelajar suatu hari nanti.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Fu Ah Kiow, berkata pihaknya tidak bercadang mengkaji semula sistem meritokrasi kerana pelaksanaannya berjaya membuktikan keupayaan pelajar Bumiputera bersaing dengan bukan Bumiputera.

Katanya, sejak pelaksanaan sistem berkenaan, bilangan pelajar Bumiputera yang mengikuti kursus kritikal tidak berkurangan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedia mendengar dan mengkaji pandangan mana-mana pihak mengenai kemungkinan berlaku kelemahan pada sistem berkenaan.

"Setakat ini kerajaan tidak merancang mengubah tetapi jika ada pandangan daripada mana-mana pihak... kalau ada kelemahan pada sistem itu, termasuk pengambilan pelajar, kerajaan sedia mengkajinya," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas merasmikan Seminar 'Micro-Electro-Mechanical System' (MEMS) anjuran Institut Kejuruteraan Mikro dan Nano-elektrik (IMEN) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Fu berkata, kementeriannya sudah bersetuju untuk meningkatkan pengambilan pelajar dalam bidang perubatan, iaitu seramai 1,400 orang dalam tempoh lima tahun yang bermakna lebih 200 tempat disediakan untuk pelajar setiap tahun, bermula sesi pengambilan tahun ini.